

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HSM 313 – DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH  
MALAYSIA 1**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA PULUH ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada setiap bahagian.

**Bahagian A**

1. Dengan merujuk kepada Dokumen 1, bincangkan apakah yang cuba digambarkan oleh pihak Bugis tentang kemasukan mereka ke dalam dunia politik Melayu-Johor?  
[100 markah]
2. Berdasarkan bahagian I, II, III dan IV dalam Dokumen 2, analisis pemikiran Frank Swettenham tentang dasar kemaraan British di Tanah Melayu pada tahun 1874.  
[100 markah]
3. Dengan merujuk kepada Dokumen 3, bincangkan:
  - [a] Mengapa Ordinan Mui Tsai diperkenal oleh kerajaan kolonial pada tahun 1933?  
[40 markah]
  - [b] Sejauh manakah fasa-fasa yang terkandung dalam Ordinan Mui Tsai berjaya mengawal sepenuhnya ketidakadilan dalam sistem Mui Tsai di Negeri-Negeri Selat dan Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.  
[60 markah]
4. Dengan merujuk kepada Dokumen 4, bincangkan perkara-perkara berikut:
  - [a] Apakah perkara-perkara yang mendorong sultan-sultan Kedah terdahulu menyerahkan Pulau Pinang dan Seberang Perai kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris pada tahun 1786 dan 1800?  
[50 markah]
  - [b] Apakah tekanan yang dihadapi oleh Sultan Ahmad Tajuddin pada saat surat itu ditulis pada tahun 1810 dan nyatakan tujuan baginda menulis surat tersebut kepada Gabenor Jeneral di India?  
[50 markah]

**Bahagian B**

5. Dengan merujuk kepada Dokumen 5 jawab soalan-soalan berikut:
- [a] Nilaiikan cerita sebenar [tersirat] yang ingin disampaikan oleh pengarangnya melalui *Cerita Tekukur*?  
[60 markah]
  - [b] Jelaskan halangan-halangan yang dihadapi oleh kegiatan percetakan semasa cerita ini disiarkan.  
[20 markah]
  - [c] Jelaskan latar belakang dan watak-watak sebenar berikut:
    - [ i] Tekukur nombor 1874 [5 markah]
    - [ ii] Tekukur nombor 1909 [5 markah]
    - [iii] Kuda Putih [5 markah]
    - [iv] Burung Tekukur [5 markah]
6. Berdasarkan Dokumen 6, perincikan:
- [a] Bidang pekerjaan utama yang diceburi penduduk di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu pada 1921.  
[30 markah]
  - [b] Mengapakah aktiviti penanaman padi paling ramai disertai penduduk Kelantan dan Kedah berbanding Johor.  
[40 markah]
  - [c] Bidang pekerjaan yang paling tinggi diceburi oleh kaum wanita dan mengapa?  
[30 markah]
7. Dengan merujuk kepada Dokumen 7, jawab soalan-soalan berikut:
- [a] Sejauh manakah dakwaan James Brooke bahawa semua pertempuran yang terjadi di perairan timur [Kepulauan Melayu] adalah angkara lanun dapat diterima?  
[60 markah]

[b] Bincangkan cadangan James Brooke berkaitan cara untuk memperluas perdagangan mereka di Timur (Kepulauan Melayu).

[20 markah]

[c] Bagaimanakah James Brooke menggambarkan keadaan bentuk, peralatan dan sumber manusia lanun di Kepulauan Melayu?

[20 markah]